

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	15 DECEMBER 2016

India puji kepemimpinan Najib

BH-15/12/2016

➔ Modi mahu kongsi kepakaran Malaysia laksana GST, minat pelajari kaedah tangani keganasan

Oleh Nazura Ngah dan Che Wan Badrul Alias
bhnews@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

India memuji kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang berjaya meletakkan Malaysia dalam landasan yang lancar ke arah menjadi negara maju menjelang 2020.

Malah negara itu juga berkongsi kepakaran Malaysia dalam melaksanakan sistem Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang akan mula dilaksanakan di India tahun depan, selain berminat mempelajari kaedah menangani keganasan.

Perdana Menteri India, Narendra Modi, berkata negaranya kini giat melaksanakan transformasi ekonomi yang mula menyaksikan

India berada pada kedudukan global membanggakan dalam kebanyakan penanda aras, selain turut giat membersihkan sistem daripada rasuah.

“Selepas berkongsi pengalaman Malaysia dalam pelaksanaan GST, kami meluluskan pindaan Perlembagaan untuk membolehkan sistem percukaian itu dilaksanakan di India tahun depan,” katanya pada sidang video 16 minit pada Persidangan Peneraju Perniagaan Asia *The Economic Times*, di sini semalam.

The Economic Times yang beribu pejabat di Mumbai adalah akhbar perniagaan terkemuka India dengan edaran di 12 bandar di negara itu.

Iktiraf Malaysia

Modi berkata, pemilihan Kuala Lumpur sebagai lokasi persidangan sulung selama dua hari itu

juga adalah pengiktirafan terhadap negara ini sebagai destinasi komersial dan perniagaan serantau.

Sementara itu, Najib pada sidang video dan ketika berucap pada persidangan sama, berkata Malaysia berkongsi pengalaman melaksanakan GST kepada delegasi peringkat tertinggi Kerajaan India yang berkunjung ke sini, baru-baru ini.

“Walaupun berdepan cabaran dan kekangan, termasuk aspek geografi, Kuala Lumpur dan New Delhi bersedia berkongsi pengalaman dan kepakaran demi manfaat kedua-dua negara. Malaysia juga bersedia berkongsi Modul Bersepadu Deradikalisasi Untuk Pengangan dalam rangka kesatuan Asia,” katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Perdana Menteri menegaskan, sudah tiba masa pemimpin per-

niagaan dan politik bersatu menyokong peranan Malaysia dalam usaha membangkitkan semula Asia yang lebih bersatu.

Prospek masa depan baik

“Malaysia mempunyai prospek masa depan yang baik, termasuk unjuran pertumbuhan sehingga lima peratus, penduduk muda dan berpendidikan tinggi serta kaya dengan sumber. Malaysia juga stabil dari segi politik, mempunyai sistem perundangan yang baik dan insentif menarik untuk pelabur.

“Pelabur akan mendapati begitu banyak peluang sebaik tiba di sini. Asas ekonomi kami kukuh, mencatatkan pertumbuhan 4.3 peratus pada suku ketiga tahun ini, kadar pengangguran dan inflasi rendah serta pendapatan negara kasar hampir sekali ganda sejak 2010,” katanya.